

ISNIN, 28 SEPTEMBER, 1981

Untuk perpaduan Islam, Melayu **Syarat UMNO terima PAS masuk BN**

Oleh JAMALUDIN ABU BAKAR

KUALA LUMPUR, Ahad — UMNO sedia menerima kembali PAS menyertai Barisan Nasional (BN) demi kepentingan perpaduan umat Islam dan Melayu di negara ini, kata Ketua Penerangan UMNO Malaysia, Datuk Haji Embong Yahya hari ini.

Beliau menegaskan, pertimbangan tersebut dibuat dengan syarat PAS menukar corak dan sikap kafir-mengkafir terhadap pemimpin-pemimpin UMNO.

"PAS hendaklah jangan mengenakan sebarang syarat dalam hasratnya untuk menyertai BN dan mereka akan dilayan seperti ahli-ahli komponen BN yang lain.

"PAS hendaklah menerima realiti, UMNO memerintah Kelantan dan jangan harap negeri itu akan dipulang semula kepada PAS," kata Datuk Haji Embong ketika berucap di kursus sivik sehari belia-belia Melayu kawasan Damansara di sini hari ini.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Penerangan berkata demikian sebagai mengulas laporan sebuah akhbar tempatan yang menyatakan, Ustaz Abu Bakar Hamzah sedang berusaha mencantumkan semula PAS ke dalam BN.

Datuk Haji Embong menegaskan, jika ada permohonan demikian sudah tentu Jawatankuasa Politik UMNO akan membincangkan perkara tersebut.

"Saya yakin, UMNO di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Datuk Musa Hitam akan memberi pertimbangan serius dalam perkara tersebut," kata beliau.

Ini, katanya, UMNO tidak tamak dengan kuasa yang ada dan bersedia memperkongsikannya demi kepentingan perpaduan umat Islam dan Melayu.

Menurutnya, konsep Barisan Nasional yang diutarakan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak semata-mata bertujuan menyatukan rakyat Malaysia berbilang kaum.

"Konsep ini diterima oleh majoriti parti di negara ini termasuk Sabah dan Sarawak tanpa banyak persoalan," tegasnya.

Sejarah

Tetapi, tambahnya, PAS disingkir dari BN dalam tahun 1977 kerana silap mereka sendiri, tidak mengikut peraturan BN.

"Tidak seperti parti-parti lain, MCA, Gerakan dan sebagainya menerima apa jua keputusan yang dibuat oleh BN," katanya.

Bagaimanapun, katanya, sejarah tersebut telah berlalu dan sudah tentu tidak mustahil PAS menyertai semula Barisan Nasional kerana 'fikiran manusia sering berubah'.

Katanya, kemasukan semula PAS ke dalam BN akan dapat mengelakkan perpecahan sesama bangsa dan agama.

Mengenai UMNO, beliau menegaskan, ahli-ahli UMNO mestilah jangan bercakar sama sendiri kerana perbuatan tersebut hanya akan merugikan parti semata-mata.

Katanya, kekalahan UMNO di Permatang Pauh dan Baling bukan disebabkan PAS itu kuat tetapi disebabkan ahli-ahli UMNO bercakar sama sendiri.

Beliau menekan, UMNO kini menumpu perhatian kepada kedua kawasan tersebut dan yakin dapat menawan balik kerusi itu dalam pilihanraya akan datang jika krisis yang wujud di kawasan itu dapat diatasi.

Ketua Penerangan UMNO Malaysia itu menegaskan, UMNO sudah tentu dapat mempertahankan 70 kerusi yang diperolehi sekarang.